



KM900 Panduan Pengguna

LG ELECTRONICS INC.

KM900 Panduan Pengguna

BAHASA MELAYU
简体中文
ENGLISH

CE 0168 

P/N : MMBB0333338 (1.0) G

Bluetooth QD ID B014945



Sesetengah kandungan dalam manual ini mungkin berbeza daripada telefon anda bergantung pada perisian telefon atau pembekal khidmat anda.



KM900 Panduan Pengguna

Tahniah di atas pembelian telefon KM900 anda yang canggih dan padat daripada LG, direka bentuk untuk beroperasi dengan teknologi komunikasi mudah alih digital yang terkini.

Persediaan	01
Skrin utama anda	02
Asas	03
Jadi kreatif	04
Jadi teratur	05
Web	06
Tetapan.	07
Aksesori	08

Kandungan

Persediaan

Mengenal telefon anda.....	8
Memasang USIM dan bateri	10
Kad memori	12

Skrin utama anda

Petua skrin sentuh.....	14
Kekunci pantas	16
Skrin sentuh.....	17
Menggunakan fungsi Berbilang tugas.....	21

Asas

Panggilan	22
Membuat panggilan atau panggilan video	22
Membuat panggilan kepada kenalan anda	22
Menjawab dan menolak panggilan.....	22
Pilihan panggilan masuk.....	23
Melaraskan kelantangan panggilan.....	24
Dailan cepat	24

Membuat panggilan kedua	24
Mematikan DTMF	25
Melihat log panggilan anda.....	25
Menggunakan alihan panggilan.....	26
Mengguna sekatan panggilan... ..	27
Menukar tetapan panggilan biasa.....	27
Menukar tetapan panggilan video anda.....	28
Mesej.....	29
Mesej.....	29
Menghantar mesej.....	29
Memasukkan teks.....	30
Ramalan T9	30
Manual Abc.....	30
Menukar tetapan e-mel anda.....	30
Folder mesej	31
Menggunakan templat.....	32
Menggunakan emotikon	32
Menukar tetapan mesej anda	33
Menukar tetapan mesej multimedia anda.....	33

Jadi kreatif

Kamera	35	Melaraskan kelantangan semasa melihat video	45
Apabila anda telah mengambil foto.....	35	Mengedit foto anda	45
Berkenalan dengan pencari pandangan.....	36	Multimedia	47
Menggunakan denyar.....	37	Gambar	47
Melaraskan pendedahan	37	Menghantar foto.....	47
Menggunakan tetapan lanjutan	38	Menggunakan imej.....	48
Menggunakan kamera dalaman	40	Mencetak imej	48
Kamera video.....	41	Memindahkan atau menyalin imej	49
Selepas menangkap video	41	Membuat pertunjukan slaid	49
Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan ..	42	Geo-tag	49
Melaraskan pendedahan	43	Menyemak status memori anda ..	50
Menggunakan tetapan lanjutan	43	Bunyi.....	50
Menonton video anda pada TV ..	44	Menggunakan bunyi.....	50
Foto dan video anda	45	Video	51
Menggunakan zum semasa melihat video atau foto	45	Menghantar klip video	51
		Permainan dan Aplikasi	51
		Memainkan permainan	51
		Gunakan menu M-Toy.....	52
		Kandungan denyar.....	52
		Melihat fail SWF/SVG.....	52
		Dokumen	52
		Melihat fail.....	52

Kandungan

Lain-lain.....	52
Membuat filem.....	53
Muzik.....	53
Memainkan lagu.....	54
Menggunakan radio.....	54
Mencari stesen.....	55
Menetapkan semula saluran.....	55
Menggunakan pemancar FM untuk memainkan muzik.....	55

Jadi teratur

Pengatur.....	56
Menambah peristiwa pada kalender anda.....	56
Menukar paparan kalender lalai anda.....	57
Menambah item pada senarai Tugas anda.....	57
Menggunakan pencari tarikh.....	57
Menetapkan penggera anda.....	58
Menambah memo.....	58
Perakam suara.....	59
Merakam bunyi atau suara.....	59
Menghantar rakaman suara.....	59

Menggunakan kalkulator anda.....	60
Menukar unit.....	60
Menggunakan jam randik.....	60
Menambah bandar pada jam dunia anda.....	61

Web

Penyemak imbas.....	62
Mengakses web.....	62
Menambah dan mengakses penanda buku.....	62
Menggunakan pembaca RSS.....	63
Mengakses halaman disimpan.....	63
Melihat sejarah penyemak imbas anda.....	63
Menukar tetapan penyemak imbas web.....	64
Menggunakan telefon anda sebagai modem.....	64

Tetapan.

Menukar tetapan skrin anda.....	66
Memperibadikan profil anda.....	66
Menukar tetapan telefon anda.....	67
Menukar tetapan sentuh anda.....	68

Menukar tetapan kesambungan anda	68
Menggunakan pengurus memori	70
Menggunakan mod penerbangan.....	71
Menghantar dan menerima fail anda menggunakan Bluetooth .	71
Menukar tetapan Bluetooth anda	72
Pasangkan dengan peranti Bluetooth lain.....	72
Menggunakan alat dengar Bluetooth	73
Wi-Fi	74
Naik taraf Perisian.....	76

Aksesori..... 77

Perkhidmatan rangkaian.. 78

Data teknikal

78

Garis panduan

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan cekap.....80

Penyelesaian Masalah.....88

Mengenalinya telefon anda

Butang pelepas bateri

Bebas tangan atau penyambung fon telinga Stereo

Kekunci kuasa

Menghidupkan/mematikan telefon.

Alat cuping telinga

Sensor Berdekatan

Kamera dalaman


Kekunci tamat

- Menolak panggilan.
- Tekan sekali untuk kembali ke skrin utama.

Kekunci pelbagai tugas

Kekunci panggil

Mendail nombor telefon dan menjawab panggilan masuk.



⚠️ AMARAN: Meletakkan objek berat di atas telefon atau duduk di atasnya boleh merosakkan kefungsi LCD dan skrin sentuhnya. Jangan tutup filem perlindungan pada sensor berdekatan LCD. Ia boleh menyebabkan malfungsi sensor.



Pengecap, Kabel data (kabel USB)

PETUA: Sebelum menyambungkan kabel USB, tunggu sehingga telefon dikuasakan dan didaftarkan pada rangkaian.



Kekunci kelantangan

- **Apabila skrin melahu:** kelantangan nada kekunci.
- **Semasa panggilan:** kelantangan cuping telinga.
- **Semasa memainkan trek:** mengawal kelantangan secara berterusan.

Kekunci kamera

- Pergi ke menu kamera secara langsung dengan menekan dan menahan kekunci.

01

02

03

04

05

06

07

08

Memasang USIM dan bateri

1 Tanggalkan penutup bateri

Tekan dan tahan butang pelepas bateri pada bahagian atas telefon dan angkat penutup bateri.



2 Keluarkan bateri

Pegang pinggir atas bateri dan angkatnya keluar daripada petak bateri.




⚠️ AMARAN: Jangan keluarkan bateri semasa telefon dihidupkan kerana ini mungkin merosakkan telefon.

⚠️ AMARAN: Jangan tanggalkan penutup bateri semasa menggunakan GPS, Wi-Fi atau Bluetooth. Antena dilekapkan di atas penutup bateri.

3 Pasang kad USIM

Luncurkan kad USIM ke dalam pemegang kad USIM. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah. Untuk mengeluarkan kad USIM, tarikannya keluar perlahan-lahan.



4 Memasang bateri


Masukkan bahagian atas bateri ke dalam pinggir atas petak bateri terlebih dahulu. Pastikan sesentuh bateri sejajar dengan terminal telefon. Tekan bahagian bawah bateri ke bawah sehingga ia berdetap pada tempatnya.



5 Mengecas telefon anda

Luncurkan semula penutup penyambung pengecas pada sisi KM900 anda. Masukkan pengecas dan plag ke dalam soket sesalur elektrik. KM900 anda mesti dicas sehingga mesej "Bateri penuh" muncul pada skrin.

NOTA: Bateri mesti dicas sepenuhnya terlebih dahulu untuk meningkatkan hayat bateri. Abaikan mesej "Bateri penuh" yang pertama dan biarkan telefon dicas sepanjang malam (atau sehingga 14 jam).



01

02

03

04

05

06

07

08

Kad memori





Memasang kad memori

Anda boleh membesarkan ruang memori yang tersedia pada telefon anda dengan menggunakan kad memori.

NOTA: Kad memori adalah aksesori pilihan.

Luncurkan kad memori ke dalam slot pada bahagian atas, sehingga ia berdetap pada tempatnya. Pastikan kawasan sesentuh emas menghadap ke bawah.


⚠️ AMARAN: Luncurkan kad memori ke dalam slot, jika tidak, kad boleh menjadi rosak.



Memformat kad memori

Kad memori anda mungkin telah sedia diformatkan. Jika tidak, anda mungkin perlu memformatkannya sebelum anda mula menggunakannya.


NOTE: Semua fail dipadam semasa pemformatan.

- 1 Daripada skrin utama pilih  dan pilih **Tetapan telefon** daripada tab Tetapan.
- 2 Tatal dan sentuh **Pengurus memori** kemudian tatal dan pilih **Memori luaran**.
- 3 Sentuh **Format** dan kemudian sahkan pilihan anda.
- 4 Masukkan kata laluan, jika ia telah dihantar. Kad anda akan diformatkan dan sedia untuk digunakan.

NOTA: Jika terdapat kandungan sedia ada pada kad memori anda, struktur folder yang merangkumi kandungan ini mungkin berlainan selepas pemformatan kerana semua fail telah dipadam.

Memindahkan kenalan anda

Untuk memindahkan kenalan anda daripada USIM ke telefon anda:

- 1 Daripada tab Komunikasi, tatal ke **Kenalan** dan pilih  kemudian **Tukar lokasi**.
- 2 Sentuh **Salin ke Alat dengar**.
- 3 Pilih **Tanda semua** atau pilih nama seatu demi satu dan sentuh **Salin pada alat dengar**.

01

02

03

04

05

06

07

08

Skrin utama anda

Daripada skrin ini anda boleh mengakses pilihan menu, membuat panggilan, melihat status telefon anda dan banyak lagi.

Petua skrin sentuh


Skrin utama juga adalah tempat yang hebat untuk membiasakan diri menggunakan skrin sentuh.

Untuk memilih item, sentuh bahagian tengah ikon.


- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan ringan, kukuh.
- Gunakan hujung jari anda untuk menyentuh pilihan yang anda perlukan. Berhati-hati supaya tidak tersentuh kekunci lain.
- Apabila lampu skrin dimatikan, sama ada tekan kekunci kuasa atau tahan kekunci Buka kunci/ Kunci di atas skrin sentuh untuk kembali ke skrin utama.

- Bila-bila KM900 anda tidak digunakan, ia akan kembali ke skrin terkunci.

Menyesuaikan skrin utama



- **Berhubung dengan KM900 anda**
 - Antara muka Pengguna berdasarkan empat jenis Skrin utama seperti di atas. Untuk bertukar-tukar antara skrin utama hanya sentuh dengan cepat di atas Paparan dari kiri ke kanan atau dari kanan ke kiri.
- **Penyesuaian skrin utama** - Bagi setiap jenis skrin utama anda boleh menambah dan mengeluarkan objek dengan menekan & menahan jari anda di atas skrin atau jika telah ditambah, sentuh dan tahan salah satu objek.



01

02

03

04

05

06

07



08

Skrin utama anda

Kekunci pantas

Kekunci pantas pada skrin utama anda menyediakan akses mudah, satu sentuhan kepada fungsi yang anda kerap gunakan.



Sentuh untuk membawa pad dailan sentuh ke atas untuk membuat panggilan. Masukkan nombor dengan menggunakan pad kekunci biasa dan sentuh **Panggilan suara** atau sentuh . Untuk membuat panggilan video ke nombor ini, sentuh  selepas memasukkan nombor.



Sentuh untuk membuka kenalan anda. Untuk mencari nombor yang anda hendak hubungi: Masukkan nama kenalan dengan menggunakan pad sentuh. Anda juga boleh membuat kenalan baru dan mengedit yang sedia ada.



Sentuh untuk mengakses menu pilihan **Mesej**. Dari sini anda boleh membuat SMS baru.



Sentuh untuk membuka menu Atas lengkap yang dibahagikan kepada empat sub-menu.

Skrin sentuh

Kawalan pada skrin sentuh KM900 bertukar secara dinamik, bergantung kepada tugas yang sedang anda jalankan.

Membuka Aplikasi

Untuk membuka sebarang Aplikasi, hanya sentuh ikonnya.



Menatal

Seret dari sisi ke sisi untuk menatal. Pada sesetengah skrin, seperti halaman web, anda juga boleh menatal ke atas atau bawah.



01

02

03

04

05

06


07

08

Skrin utama anda

Mengezum Masuk atau Keluar







Semasa melihat foto, halaman web, e-mel, atau peta, anda boleh mengezum masuk dan keluar. Rapatkan jari-jari anda atau luncurkannya berjauhan.




Lihat bar status

Bar status menggunakan ikon berlainan untuk menunjukkan keadaan seperti kekuatan isyarat, mesej baru dan hayat bateri dan juga sama ada Bluetooth atau GPRS aktif.

Di bawah adalah jadual yang menjelaskan makna ikon yang mungkin anda temui dalam bar status.

Ikon	Perihal
	Tiada Perkhidmatan
	2G
	3G
	EDGE
	HSDPA
	Wi-fi dihidupkan
	Mesej Bluetooth
	Alat dengar bebas tangan Mono Bluetooth

Ikon	Perihal
	Alat dengar Mono Stereo Bluetooth
	Alat dengar Stereo Bluetooth
	Alat dengar Mono Bluetooth
	Bluetooth dihidupkan
	Pencetak melalui Bluetooth
	Pemindahan Bluetooth
	Kebolehlihatan Bluetooth
	Muzik Bluetooth
	Memuat turun
	Muat turun selesai.
	Muat turun dibatalkan.
	Pilihan panggilan masuk
	Internet
	Mencari
	Alihan panggilan
	Panggilan ditolak
	Keselamatan

01

02

03

04




















05














06

07


08

Skrin utama anda

Ikon	Perihalannya
	Alat dengar
	HomeZone
	Merayau
	Penggera
	Jadual (Kalender)
	Tugasan Multi
	Muzik dijeda
	Muzik sedang dimainkan
	Muzik dimainkan dengan siaran FM
	Radio FM sedang dimainkan
	Siaran FM
	Em-mel sedang dihantar
	E-mel diterima
	MMS
	MMS dihantar
	MMS diterima
	Panggilan tidak dijawab
	SMS dihantar
	Mel suara baru

Ikon	Perihalannya
	Mesej baru
	Menghantar mesej gagal
	E-mel baru
	Mesej tekan
	Mod penerbangan
	Di luar bangunan
	Senyap
	Nada dering disesuaikan 1-10
	Nada dering selepas getaran
	Nada dering bersama getaran
	Memori luar
	Status bateri
	TV keluar/projektor

Menggunakan fungsi Berbilang tugas

Sentuh kekunci keras berbilang tugas  untuk membuka menu **menu** Berbilang tugas. Daripada sini anda boleh melihat beberapa aplikasi yang sedang berjalan dan mengaksesnya dengan satu sentuhan.



01

02

03

04

05

06




07



08


Panggilan

PETUA! Tekan kekunci kuasa untuk mengunci skrin sentuh untuk mencegah panggilan dibuat secara tidak sengaja.



Membuat panggilan atau panggilan video

- 1 Sentuh  untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor dengan menggunakan pad kekunci. Untuk memadam digit, tekan kekunci kosongan.
- 3 Tekan kekunci  untuk membuat panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, tekan kekunci .



PETUA! Untuk memasukkan + untuk membuat panggilan antarabangsa, sentuh  dua kali, atau tekan dan tahan ke bawah .

PETUA! Anda boleh **Simpan nombor, Hantar mesej, Cari kenalan** melalui mengetuk .


Membuat panggilan kepada kenalan anda

- 1 Daripada skrin utama sentuh  untuk membuka **Kenalan** anda.
- 2 Tatal melalui senarai kenalan atau masukkan huruf-huruf pertama daripada kenalan yang anda panggil dengan menyentuh .
- 3 Daripada senarai bertapis, sentuh kenalan yang anda hendak panggil dan pilih nombor untuk digunakan jika terdapat lebih daripada satu nombor untuk kenalan itu.
- 4 Sentuh **Panggilan suara** atau **Panggilan video**.


Menjawab dan menolak panggilan

Apabila telefon anda berdering tekan kekunci keras  untuk menjawab panggilan tersebut. Tekan kekunci keras  untuk menolak panggilan masuk.

Pilihan panggilan masuk




Pembesar suara - Sentuh  untuk menghidupkan pembesar suara telefon.


Bisu - Sentuh  untuk mematikan mikrofon supaya orang yang sedang bercakap dengan anda tidak boleh mendengar anda.

Hold - Sentuh  untuk menundakan panggilan.

Pilihan - Pilih daripada senarai pilihan panggilan masuk lanjut, termasuk membuat memo baru dan pergi ke mesej, supaya anda boleh menyemak mesej anda dan menambah kenalan semasa dalam panggilan. Anda juga boleh menamatkan panggilan dari sini dengan menyentuh Tamat panggilan.

 - Sentuh untuk membuka pad kekunci berangka untuk menaip nombor, cth. semasa mendail pusat panggilan atau lain-lain perkhidmatan telefon automatik.

 - Tambah memo semasa dalam panggilan.

 - Cari kenalan anda semasa dalam panggilan.

01

02

03

04

05

06

07

08



Panggilan

Melaraskan kelantangan panggilan


Untuk melaraskan kelantangan semasa panggilan, gunakan butang ke atas dan ke bawah pada sisi kanan telefon.

Dailan cepat



Anda boleh memperuntukkan kenalan yang kerap dipanggil kepada nombor dailan cepat.

- 1 Daripada skrin utama sentuh  untuk membuka **Kenalan** anda.
- 2 Sentuh  dan pilih **Dail cepat**.
- 3 Mel suara anda telah ditetapkan kepada dailan cepat 1. Anda tidak boleh menukarnya. Sentuh sebarang nombor lain untuk memperuntukkannya pada kenalan dailan cepat.
- 4 Senarai kenalan anda akan terbuka. Pilih kenalan yang anda ingin peruntukkan kepada nombor tersebut dengan

menyentuh nombor telefon yang berkenaan sekali.

Untuk membuat panggilan ke nombor dail cepat, sentuh  pada skrin utama kemudian tekan dan tahan nombor yang diperuntukkan sehingga kenalan muncul pada skrin. Panggilan akan dimulakan secara automatik, tanpa perlu menyentuh **Panggilan suara**.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan permulaan anda, sentuh  dan pilih nombor yang anda hendak panggil.
- 2 Buat panggilan ke nombor itu atau cari kenalan anda (lihat **Membuat panggilan** untuk mendapatkan butiran).
- 3 Tekan  untuk menyambungkan panggilan.

- 4 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan permulaan anda akan dikunci dan ditunda.
- 5 Untuk menamatkan satu atau kedua-dua panggilan tekan **Tamat**.




NOTA: Anda akan dikenakan bayaran untuk setiap panggilan yang anda buat.

Mematikan DTMF

DTMF membolehkan anda menggunakan arahan berangka untuk menavigasi menu dalam panggilan automatik. DTMF dihidupkan secara lalai.

Untuk mematikkannya semasa dalam panggilan (untuk mencatat sesuatu nombor) sentuh  dan pilih **Nyahdayakan DTMF**.

Melihat log panggilan anda

Daripada skrin utama, sentuh , kemudian sentuh **Sejarah terbaru** dalam tab Komunikasi.

Pilih daripada yang berikut:

Semua sejarah - Lihat senarai lengkap panggilan yang didail, diterima dan yang tidak dijawab, panggilan suara sahaja, panggilan video dan mesej.

Panggilan tidak dijawab - Melihat senarai semua panggilan yang anda tidak jawab.

01

02

03

04

05

06

07


08

Panggilan

Panggilan didail - Lihat senarai semua nombor yang anda telah panggil.


Meej sahaja - Lihat senarai semua nombor yang telah menerima atau menghantar mesej teks dan multimedia.

VT sahaja- Lihat senarai semua panggilan video.

PETUA! Daripada sebarang log panggilan sentuh  dan **Padam semua** untuk memadam semua item yang direkodkan.

PETUA! Sentuh mana-mana entri log panggilan tunggal untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.


Menggunakan alihan panggilan

- 1 Sentuh  dan pilih **Tetapan panggilan** dalam tab Tetapan.
- 2 Sentuh **Alihan panggilan** dan pilih **Panggilan suara** dan/atau **Panggilan video**.
- 3 Pilih sama ada untuk mengalih semua panggilan, apabila talian sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila anda tidak dapat dihubungi.
- 4 Sentuh **Aktifkan** untuk mengaktifkan.
- 5 Masukkan nombor untuk dialih kepada.

NOTA: Mengalihkan panggilan akan dikenakan bayaran. Sila hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan butiran.


PETUA! Untuk mematikan semua alihan panggilan, pilih **Nyahaktifkan semua** daripada menu **Alihan panggilan**.

Mengguna sekatan panggilan

- 1 Sentuh  dan pilih **Tetapan panggilan** dalam tab Tetapan.
- 2 Sentuh **Sekatan panggilan** dan pilih **Panggilan suara** dan/atau **Panggilan video**.
- 3 Pilih sebarang atau kesemua daripada lima pilihan:
Semua keluar
Antarabangsa keluar
Panggilan antarabangsa keluar kecuali negara asal
Semua masuk
Masuk apabila di luar negara
- 4 Masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda mengenai perkhidmatan ini.

PETUA! Pilih **Nombor dail tetap** untuk menghidupkannya dan mengumpul senarai nombor yang boleh dipanggil daripada telefon anda. Anda perlukan kod PIN2 anda, yang boleh didapati daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Menukar tetapan panggilan biasa

- 1 Sentuh  dan pilih **Tetapan panggilan** dalam tab Tetapan.
- 2 Sentuh **Tetapan biasa**. Ini membiarkan anda menukar tetapan berikut:
Panggilan ditolak - Luncurkan suis ke kiri untuk **HIDUP**. Anda boleh menyentuh **Senarai tolak** untuk memilih semua panggilan, kenalan tertentu atau kumpulan atau panggilan daripada nombor

01

02

03

04

05

06

07

08

Panggilan

tidak berdaftar (iaitu tidak di dalam kenalan anda).

Hantar nombor saya - Pilih sama ada untuk memaparkan nombor anda semasa panggilan keluar.


Dail semula Auto - Luncurkan suis ke kiri untuk **HIDUP** atau ke kanan untuk **MATI**.

Penjaga minit - Luncurkan suis ke kiri untuk **HIDUP** untuk mendengar nada pada setiap minit daripada panggilan .

Mod jawab BT - Pilih **Bebas tangan** supaya boleh menjawab panggilan menggunakan alat dengar Bluetooth, atau pilih **Telefon bimbit** untuk menekan kekunci pada telefon bimbit bagi menjawab panggilan.

Simpan nombor baru - Pilih **HIDUP** atau **MATI** untuk menyimpan nombor baru.

Menukar tetapan panggilan video anda



- 1 Dari skrin utama, sentuh  dan tatal ke **Tetapan panggilan** dalam tab Tetapan.
- 2 Sentuh **Tetapan panggilan video** dan pilih tetapan untuk panggilan video anda. Tentukan sama ada anda hendak menggunakan imej pegun, kemudian buat pilihan dan/atau tukar kepada cermin untuk melihat diri anda pada skrin semasa membuat panggilan video.

Mesej

Mesej

KM900 anda menggabungkan SMS, MMS menjadi satu menu intuitif, mudah digunakan.


Terdapat dua cara untuk memasuki pusat mesej:


- 1 Daripada skrin utama, sentuh  atau , kemudian tatal ke **Mesej** pada tab Komunikasi.


Menghantar mesej

- 1 Sentuh  kemudian **Tulis mesej** untuk membuka mesej kosong.
- 2 Sentuh **Kepada** untuk memasukkan nombor penerima, atau membuka kenalan atau kegemaran anda. Anda boleh menambah berbilang kenalan. Apabila anda telah selesai, sentuh **Hantar SMS**.
- 3 Setelah memasukkan teks, anda boleh menghantar SMS atau MMS, atau memilih **E-mel** untuk menghantar e-mel.

PETUA! Anda akan dikenakan bayaran bagi mesej teks yang mempunyai 160 aksara yang dihantar kepada setiap orang.

- 4 Sentuh  **Masukkan** untuk menambah templat teks, templat multimedia, emotikon, nama & nombor, slaid baru, subjek atau tandatangan.

 **AMARAN:** Had 160-aksara mungkin berbeza dari negara ke negara bergantung kepada cara SMS dikodkan.

 **AMARAN:** Jika imej, fail video atau audio ditambah kepada SMS ia akan ditukar secara automatik menjadi MMS dan anda akan dikenakan bayaran sewajarnya.

01

02

03

04

05

06


07


08


Mesej


Memasukkan teks


Pad kekunci

 Sentuh untuk menghidupkan teks ramalan T9.

 Sentuh untuk menukar bahasa penulisan.

 Ketuk untuk menukar antara nombor, simbol dan pad kekunci teks.

Guna  untuk menatal melalui papan kekunci yang berlainan dalam setiap mod entri teks (cth. huruf besar atau huruf kecil).

Untuk memasukkan ruang sentuh .

Ramalan T9

Dalam mod T9 anda akan melihat

.

Mod T9 menggunakan kamus terbina dalam untuk mengecam perkataan anda berdasarkan urutan kekunci yang anda sentuh. Hanya

sentuh kekunci nombor yang berkaitan dengan huruf yang anda hendak masukkan, dan kamus akan meramalkan perkataan yang anda hendak gunakan.


Contohnya, tekan 8, 3, 5, 3, 7, 4, 6, 6, dan 3 untuk menulis 'telephone'.

Manual Abc

Dalam mod Abc anda mesti menyentuh kekunci secara berulang kali untuk memasukkan huruf. Sebagai contoh, untuk menulis 'hello', sentuh 4 dua kali, 3 dua kali, 5 tiga kali, 5 tiga kali sekali lagi, kemudian 6 tiga kali.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menukar tetapan e-mel anda mengikut keutamaan anda sendiri.

- 1 Sentuh  daripada skrin utama, kemudian tatal ke **Tetapan mesej** pada tab Tetapan.
- 2 Pilih **E-mel**.

3 Anda boleh meminda tetapan berikut:

Akaun e-mel - Uruskan akaun e-mel anda.

Benarkan e-mel balasan - Pilih sama ada untuk membenarkan mesej pengesahan yang telah dibaca untuk dihantar.

Meminta balasan e-mel - Pilih sama ada untuk meminta mesej pengesahan telah dibaca.

Selang pengambilan - Pilih berapa kerap KM900 anda memeriksa mesej e-mel baru.

Masukkan mesej dalam Kirim Semula & Balas- Pilih untuk merangkumi mesej asal dalam balasan anda.

Sertakan lampiran - Pilih untuk menyertakan lampiran asal dalam mana-mana balasan.

Pengambilan automatik dalam

Perayaan - Pilih sama ada untuk mengambil mesej secara automatik semasa di luar negara (rayau).

Pemberitahuan e-mel baru maklumat -Pilih sama ada untuk diberitahu mengenai e-mel baru tanpa mesej pop timbul.

Tandatangan - Buat tandatangan e-mel dan hidupkan ciri ini.

Folder mesej

Anda akan mengenali struktur folder dalam KM900 anda, dan ia jelas dengan sendirinya. Jika anda menyediakan akaun e-mel, anda boleh mempunyai folder untuk setiap akaun.

Peti masuk - Semua mesej yang anda terima disimpan dalam peti masuk anda. Dari sini anda boleh melihat dan memadamnya, antara fungsi lain].

01

02

03

04

05

06

07

08

Mesej

Peti keluar - Ini adalah folder penyimpanan sementara apabila mesej sedang dihantar.

Dihantar - Mesej yang anda hantar ditempatkan dalam folder ini.

Draf - Jika anda tidak selesai menulis mesej, anda boleh menyimpan apa yang telah anda buat dalam folder ini.

Peti teruntai - Mesej yang ditukar dengan pihak lain melalui pembawa. Anda boleh menyimpan imej dan mesej serentak.

Folder Saya - Buat folder untuk menyimpan mesej anda.

Menggunakan templat

Buat templat untuk mesej SMS dan MMS yang anda hantar paling kerap. Beberapa templat telah disediakan pada telefon anda, yang anda boleh edit.

- 1 Semasa menulis mesej baru, anda boleh memasukkan **Templat** daripada **Masukkan** dalam menu pilihan.
- 2 Pilih **Templat teks** atau **Templat multimedia**. Anda boleh menambah, mengedit, memadam atau memadam semua templat. Untuk mengedit mesej, pilih ia, pinda ia, dan sentuh **Simpan templat**.

Menggunakan emotikon

Cerikan mesej anda menggunakan emotikon. Beberapa emotikon yang biasa digunakan telah disediakan pada telefon anda.

- 1 Semasa menulis mesej baru, anda boleh memasukkan **Emotikon** daripada **Masukkan** dalam menu pilihan.
- 2 Anda boleh menambah ikon baru atau memadam satu atau semua emotikon.

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KM900 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

Tatal ke **Tetapan mesej** pada tab Tetapan dan sentuh **Mesej teks**. Anda boleh membuat perubahan kepada yang berikut:

Pusat mesej teks - Masukkan butiran pusat mesej anda.

Laporan penghantaran - Luncurkan suis sebelah kiri untuk menerima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.

Tempoh kesahan - Pilih tempoh masa mesej anda akan disimpan di pusat mesej.

Jenis mesej - Tukar teks anda kepada **Suara, Faks, X.400** atau **E-mel**.

Pengekodan aksara -Pilih cara aksara anda akan dikodkan. Ini akan menjejaskan saiz mesej anda dan juga bayaran data.

Hantar teks panjang sebagai - Pilih untuk menghantar mesej panjang sebagai berbilang SMS atau MMS.

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Tetapan mesej KM900 anda telah dipratetapkan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Tetapan ini boleh ditukar mengikut keutamaan anda.

Dalam tab **Tetapan** pilih **Tetapan mesej** dan **Mesej multimedia**. Anda boleh membuat perubahan kepada yang berikut:

01

02

03

04

05

06

07

08

Mesej

Mod pengambilan - Pilih **Rangkaian rumah** atau **Rangkaian perayauan**. Jika anda memilih Manual seterusnya, anda hanya akan menerima pemberitahuan mengenai mesej MMS. Dengan itu, anda boleh membuat pilihan sama ada untuk memuat turunkannya secara penuh.

Laporan penghantaran - Pilih sama ada untuk membenarkan dan/atau meminta laporan penghantaran.

Balasan dibaca - Pilih sama ada untuk membenarkan dan/atau menghantar balasan dibaca.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan MMS anda.

Tempoh Kesahan - Pilih tempoh masa mesej anda disimpan di pusat mesej.

Tempoh slaid - Pilih tempoh masa slaid anda tertera pada skrin.

Mod pembuatan - Terhad/ Amaran/ Bebas


Masa penghantaran - Pilih tempoh masa menunggu sebelum mesej dihantar.

Pusat mesej multimedia- Masukkan butiran pusat mesej anda.

Kamera

Apabila anda telah mengambil foto

Foto yang anda tangkap akan tertera pada skrin. Nama imej ditunjukkan dengan empat ikon pada sebelah kanan.




Hantar Sentuh untuk menghantar foto sebagai **Mesej, E-mel, Bluetooth** atau **Blogger**. Lihat Menghantar mesej, dan Menghantar dan menerima fail anda dengan menggunakan Bluetooth.


Gunakan sebagai Sentuh untuk menggunakan imej sebagai kertas hias dinding.


Namakan semula Sentuh untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Edit Sentuh untuk mengedit imej menggunakan pelbagai alatan.

 Sentuh untuk kembali ke menu sebelumnya.

 Sentuh untuk memadam imej.

 Sentuh untuk terus mengambil foto lain. Gambar semasa anda akan disimpan.

 Sentuh untuk melihat galeri foto anda yang disimpan.

01

02

03

04

05


06

07

08

Kamera


Berkenalan dengan pencari pandangan



PETUA! Anda boleh menutup semua pilihan pintasan untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingatkan kembali pilihan, sentuh skrin sekali lagi.

Menggunakan denyar




Tetapan denyar lalai adalah automatik, tetapi terdapat pilihan lain.

- 1 Pilih  daripada sisi kiri pencari pandangan untuk memasuki sub-menu denyar.
- 2 Terdapat tiga pilihan denyar:
Auto - Kamera anda akan menilai pandangan untuk memasuki sub-menu denyar.
Sentiasa mati - Kamera tidak akan memancar. Ini berguna jika anda hendak menjimat kuasa bateri.
Sentiasa hidup - Kamera akan sentiasa memancar.
- 3 Apabila anda menyentuh pilihan yang anda kehendaki, menu denyar akan tutup secara automatik, membolehkan anda mengambil gambar serta merta.

- 4 Ikon status denyar dalam pencari pandangan akan bertukar mengikut mod denyar baru anda.

Melaraskan pendedahan

Pendedahan menentukan perbezaan antara kawasan terang dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Luncurkan penunjuk kontras sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah dan imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi dan imej yang lebih tajam.

01

02

03

04

05


06

07

08

Kamera

Menggunakan tetapan lanjutan

Dari pencari pandangan sentuh  untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Anda boleh menukarkan tetapan kamera dengan menatal roda. Selepas membuat pilihan, sentuh butang **OK**.

Beralih kepada - Untuk potret diri, beralih ke kamera dalam LG KM900. Anda juga boleh beralih antara mod kamera dan mod kamera video.

Saiz imej - Tukar saiz foto untuk menjimat ruang memori atau untuk mengambil gambar yang sesuai saiznya untuk kenalan.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada foto baru anda.

Imbangan putih - Pilih antara **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** dan **Mendung**.

Pemasa - Pemasa sendiri membolehkan anda menetapkan tundaan selepas pengatup ditekan. Pilih **mati 3 saat**, **5 saat** atau **10 saat**. Ini sangat sesuai jika anda hendak dimasukkan ke dalam foto.

Mod tangkapan - Pilih mod tangkapan.

ISO - Pengadaran ISO menentukan kepekaan sensor cahaya kamera. Semakin tinggi ISO, semakin sensitif kamera. Ini berguna dalam keadaan lebih gelap apabila anda tidak boleh menggunakan denyar. Pilih nilai ISO daripada **Auto**, **100**, **200**, **400** dan **800**.

Kualiti imej - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Semakin halus kualiti, semakin tajam foto. Walau bagaimanapun, saiz fail akan bertambah, yang bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit gambar dalam memori anda.

Memori yang digunakan - Pilih sama ada hendak menyimpan foto pada memori Telefon Bimbit atau memori Luaran .

Sembunyikan ikon - Pilih ikon tetapan kamera secara manual atau automatik.

Penstabilan imej - Membolehkan anda mengambil foto tanpa ketidakstabilan atau gegaran kamera.

Auto fokus - Pilih cara kamera akan fokus. Pilih antara **Spot**, **Manual** dan **Penjejakan muka**.

Bunyi pengatup - Pilih satu daripada empat bunyi pengatup.

Paparan grid - Pilih antara **Mati**, **grid 2x2** atau **grid 3x3**.

Geo-Tag - Hidup/ Mati

Tetapkan semula - Simpan semula semua tetapan kamera.

PETUA! Apabila anda keluar daripada kamera, semua tetapan anda akan kembali ke lalai, kecuali saiz imej dan kualiti imej. Sebarang tetapan bukan lalai perlu ditetapkan semula, seperti ton warna dan ISO. Periksa yang berikut ini sebelum mengambil foto anda yang seterusnya.

PETUA! Menu tetapan akan menindan pencari pandangan, jadi apabila anda menukar elemen warna imej atau kualiti anda akan dapat melihat pratonton pertukaran imej di belakang menu tetapan.

01

02

03

04

05

06


07


08


Kamera

Menggunakan kamera dalaman

LG KM900 anda mempunyai kamera dalaman 640x480 untuk kedua-dua panggilan video dan mengambil foto.

- 1 Untuk beralih ke kamera dalaman sentuh  kemudian pilih **Beralih ke - Kamera dalaman** daripada menu Pratonton.
- 2 Selepas beberapa saat anda akan melihat diri anda dalam pencari pandangan. Untuk menangkap imej tekan butang sisi seperti biasa.


PETUA! Kamera dalaman mempunyai kurang tetapan kerana ia tidak mempunyai denyar atau ISO. Anda masih boleh meminda saiz imej, kesan warna, kualiti imej, imbalan putih dan menetapkan pemasa sendiri dengan menyentuh  dengan cara yang sama seperti semasa menggunakan kamera utama.

- 3 Selepas anda mengambil foto, anda akan ditawarkan dengan semua pilihan yang sama seperti apabila imej diambil dengan kamera utama.
- 4 Untuk kembali ke kamera utama sentuh  dan kemudian pilih **Kamera Luaran** daripada menu Pratonton.

Kamera video

Selepas menangkap video

Imej pegun yang mewakili video anda akan muncul pada skrin. Nama video akan ditunjukkan di bahagian bawah skrin, bersama empat ikon di sebelah kanan.




Main Sentuh untuk memainkan video.


Hantar Sentuh untuk menghantar foto sebagai **Mesej**, **E-mel**, **Bluetooth** atau **You Tube**. Lihat Menghantar mesej, dan Menghantar dan menerima fail anda dengan menggunakan Bluetooth.


Gunakan sebagai Sentuh untuk menggunakan imej sebagai kertas hias dinding.


Namakan semula Sentuh untuk mengedit nama gambar yang dipilih.

Edit Sentuh untuk mengedit imej menggunakan pelbagai alatan.

 Sentuh untuk kembali ke menu sebelumnya.

 Sentuh untuk memadam video yang baru sahaja anda buat, dan sahkan dengan menyentuh **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

 Sentuh untuk menangkap video lain serta merta. Video semasa anda akan disimpan.

 Sentuh untuk melihat galeri video dan gambar yang disimpan.

01

02

03

04

05


06

07

08

Kamera video




Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan



PETUA! Anda boleh menutup semua pilihan pintasan untuk mendapatkan skrin pencari pandangan yang lebih jelas. Hanya sentuh bahagian tengah pencari pandangan sekali. Untuk mengingatkan kembali pilihan, sentuh skrin sekali lagi.

Melaraskan pendedahan

Pendedahan menentukan perbezaan antara kawasan terang dan gelap dalam imej. Imej berkontras rendah akan kelihatan kabur, manakala imej berkontras tinggi akan kelihatan lebih jelas.

- 1 Sentuh .
- 2 Luncurkan penunjuk pendedahan di sepanjang bar, ke arah  bagi pendedahan yang lebih rendah dan imej berkabus atau ke arah  bagi pendedahan yang lebih tinggi dan imej yang lebih tajam.

Menggunakan tetapan lanjutan

Dengan menggunakan pencari pandangan, sentuh **Tetapan** untuk membuka semua pilihan tetapan lanjutan.

Anda boleh melaraskan tetapan kamera video dengan menatal roda. Selepas membuat pilihan, sentuh

butang **OK**.

Beralih kepada - Beralih kepada kamera dalaman LG KM900 untuk merakam diri anda pada video.

Saiz video - Tukar saiz video untuk menjimatkan ruang memori.

Mod adegan - Pilih antara **Auto** atau **Mod malam**.

Kesan Warna - Pilih ton warna untuk digunakan pada paparan baru anda.

Imbangan putih - Imbangan putih memastikan mana-mana bahagian putih pada video anda adalah realistik. Untuk mendayakan kamera anda supaya melaraskan imbangan putih dengan betul, anda mungkin perlu menentukan keadaan pencahayaan. Pilih antara **Auto**, **Pijar**, **Cerah**, **Pendarfluor** atau **Mendung**.

Kualiti video - Pilih antara **Sangat halus**, **Halus** dan **Normal**. Semakin halus kualiti, semakin tajam video tersebut. Saiz fail akan bertambah,

01

02

03

04

05

06

07

08

Kamera video

yang bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit video dalam memori telefon.

Tempoh - Tetapkan had tempoh bagi video anda. Pilih antara **Normal** dan **MMS** untuk membataskan saiz maksimum untuk menghantar sebagai MMS.

PETUA! Jika anda memilih tempoh MMS, memilih kualiti imej yang lebih rendah akan membolehkan anda menangkap video yang lebih panjang.

Memori sedang digunakan - Pilih sama ada untuk menyimpan video anda pada Memori telefon bimbit atau pada Memori luar.

Suara - Pilih Bisu untuk merakam video tanpa suara.

Fokus bunyi - Pilih fokus bunyi:

Mati/ Fokus luaran/ Fokus dalaman

Sembunyikan ikon - Pilih sama ada

untuk menyembunyikan ikon pada menu kamera secara automatik atau manual.

Tetapkan semula tetapan - Tetapkan semula semua tetapan kamera video.

Menonton video anda pada TV

Sambungkan KM900 anda kepada TV anda dengan menggunakan kabel output TV.

NOTA: Kabel output TV adalah boleh dibeli secara berasingan.

PETUA! Semua format kecuali 320x240 dan 176x144 adalah serasi dengan memainkan video melalui TV.

Foto dan video anda

Menggunakan zum semasa melihat video atau foto

Apabila melihat foto atau video, anda boleh mengezum masuk dan keluar dengan merapatkan jari-jari anda atau menjauhkannya.

Melaraskan kelantangan semasa melihat video

Untuk melaraskan kelantangan video semasa ia sedang dimainkan, sentuh bar kelantangan pada sisi kiri skrin. Sebagai pilihan, gunakan kekunci kelantangan pada sisi telefon.

Mengedit foto anda

Anda boleh membuat banyak perkara yang hebat-hebat kepada foto anda untuk menukarkannya, menambah kepadanya atau menceriakannya.

- 1 Buka foto yang anda hendak edit dan sentuh **Edit** untuk menunjukkan pilihan.

- 2 Sentuh ikon untuk meminda foto anda:



Pangkas foto anda. Pilih kawasan pangkas petak atau bulat dan gerakkan jari anda merentasi skrin untuk memilih kawasan.



Lukis sesuatu pada foto anda, dengan gaya bebas. Pilih ketebalan garisan daripada empat pilihan tersebut, kemudian warna yang anda hendak gunakan.



Menambahkan tulisan pada gambar.



Hiaskan foto anda dengan cap. Pilih daripada cap yang berlainan dan sentuh foto anda pada tempat anda hendak meletakkannya.

01

02

03

04


05


06

07

08

Foto dan video anda

 Padam pengeditan yang telah anda buat pada gambar. Anda boleh memilih saiz pemadam yang anda gunakan.

 Sentuh untuk kembali ke galeri.


Simpan Simpan perubahan yang telah anda buat pada foto. Pilih untuk menyimpan perubahan sebagai **Kemas kini sedia ada** atau **Fail baru**. Jika anda memilih **Fail baru** masukkan nama fail.

Buat asal Buat asal **Kesan** atau edit terakhir yang anda buat pada foto.


Imej Sentuh untuk membuka pilihan kesan selanjutnya termasuk **Putar**. Terdapat banyak lagi pilihan pengeditan lanjut.


Penapis Lihat **Menambah kesan pada foto**.

Pelaras an Ini membantu melaraskan gambar yang diambil dengan menggunakan warna automatik, kecerahan dsbnya.



Multimedia

Anda boleh menyimpan fail multimedia dalam memori telefon anda supaya anda mempunyai akses mudah kepada semua gambar, bunyi, video, dan permainan anda. Anda juga boleh menyimpan fail anda pada kad memori. Menggunakan kad memori membolehkan anda membebaskan ruang dalam memori telefon anda. Untuk mengakses menu Multimedia, sentuh  pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia. Anda boleh membuka senarai folder yang menyimpan semua fail multimedia anda.

PETUA! Untuk memadam sebarang fail dalam Bahan saya, sentuh  kemudian **Padam**.

Gambar

Imej saya mengandungi senarai gambar termasuk imej lalai yang dipramuatkkan pada telefon anda, imej yang anda muat turunkan dan yang diambil menggunakan kamera telefon anda.

Menghantar foto

- 1 Untuk menghantar foto hanya pilih gambar yang anda kehendaki.
- 2 Sentuh **Hantar**. Pilih antara **Mesej**, **E-mel**, **Bluetooth** atau **Blogger**.
- 3 Jika anda memilih **Mesej** atau **E-mel**, foto anda akan dilampirkan pada mesej dan anda boleh menulis dan menghantar mesej seperti biasa. Jika anda memilih **Bluetooth**, telefon anda akan mencari peranti untuk menghantarkan gambar tersebut.

01

02

03

04

05

06



07

08

Multimedia

Menggunakan imej

Anda boleh memilih imej untuk digunakan sebagai kertas hias dinding dan gambar skrin atau malah untuk mengenal pasti pemanggil.

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Imej saya**.
- 3 Pilih imej dan sentuh .
- 4 Sentuh **Gunakan sebagai** dan pilih antara:

Kertas hias dinding - Tetapkan kertas hias dinding sebagai skrin pengunci kekunci.

Kenalan - Peruntukkan imej pada individu tertentu dalam senarai kenalan anda supaya gambar dipaparkan apabila mereka memanggil anda.



Imej permulaan - Tetapkan imej supaya dipaparkan apabila anda menghidupkan telefon.

Imej penutup - Tetapkan imej supaya dipaparkan apabila anda mematikan telefon.

Imej panggilan keluar - Tetapkan imej supaya muncul semasa panggilan keluar.



Imej panggilan masuk - Tetapkan imej supaya muncul semasa panggilan masuk.

Mencetak imej

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Imej saya**.
- 3 Pilih imej dan sentuh .
- 4 Sentuh **Cetak**, kemudian pilih antara **Bluetooth** dan **PictBridge**.



Memindahkan atau menyalin imej

Imej boleh dipindahkan atau disalin antara memori telefon dan kad memori. Anda mungkin hendak melakukan perkara ini untuk mengosongkan lebih ruang dalam salah satu memori atau untuk melindungi imej anda daripada kehilangan.

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Imej saya**.
- 3 Sentuh .
- 4 Pilih **Pindah** atau **Salin**.

Membuat pertunjukan slaid

Jika anda hendak melihat semua imej pada telefon anda, anda boleh membuat pertunjukan slaid supaya anda tidak perlu membuka dan menutup setiap satu imej tersebut.

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Imej saya**.
- 3 Sentuh  kemudian **Pertunjukan slaid**.

Geo-tag

Hidupkan kamera dan nikmati kemampuan perkhidmatan kamera anda yang berasaskan lokasi. Ambil gambar di mana sahaja anda berada dan tagnya bersama lokasi. Jika anda memuat naikkan gambar yang ditag pada blog yang menyokong Geo-tag, anda boleh melihat gambar tersebut dipaparkan di atas peta.

01

02

03

04

05

06



07

08

Multimedia

Menyemak status memori anda

Anda boleh menyemak untuk melihat berapa banyak ruang memori yang telah anda gunakan dan baki yang masih ada.


- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Imej saya**.
- 3 Sentuh  kemudian **Pengurus memori**.

Bunyi

Folder **Bunyi saya** mengandungi Bunyi yang dimuat turun, **Bunyi lalai** dan **Rakaman suara**.

Dari sini anda boleh mengurus atau menghantar bunyi atau menetapkan sebagai nada dering.


Menggunakan bunyi

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Bunyi saya**.
- 3 Pilih **Bunyi lalai** atau **Muat turun bunyi**.
- 4 Pilih bunyi dan sentuh ikon main, ia akan mula bermain.
- 5 Anda boleh menggunakan bunyi untuk pelbagai ton dengan memilih menu **Gunakan sebagai** .
- 6 Pilih antara **Nada dering suara**, **Nada dering video** dan **Nada mesej**.

Video

Folder **Video saya** menunjukkan senarai video yang telah anda muat turunkan atau rakam pada telefon anda.


Menonton video

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** pada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Video saya**.
- 3 Pilih video untuk dimainkan.

PETUA! KM900 menyokong kedua-dua main balik format DivX & Xvid untuk memastikan ketersediaan kandungan yang lebih hebat.

NOTA: Kabel output TV boleh dibeli secara berasingan.

Menghantar klip video


- 1 Pilih video dan sentuh .
- 2 Sentuh **Hantar** dan pilih antara **Mesej**, **E-mel**, **Bluetooth** dan **YouTube**.

- 3 Jika anda memilih **Mesej** atau **E-mel**, video klip anda akan dilampirkan pada mesej, yang anda boleh tulis dan hantar seperti biasa. Jika anda memilih **Bluetooth**, telefon anda akan mencari peranti untuk menghantarkan video tersebut.

Permainan dan Aplikasi

Anda boleh memuat turun permainan dan aplikasi baru ke telefon anda untuk menghiburkan diri anda dalam masa senggang anda.

Memainkan permainan

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** pada tab Multimedia.
- 2 Sentuh menu **Permainan atau Aplikasi**.
- 3 Sentuh butang **Lancarkan** untuk melancarkan permainan atau aplikasi.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia


Gunakan menu M-Toy

M-Toy mengandungi permainan denyar dipramuat yang menggunakan penerima gerakan bersepadu.

Kandungan denyar

Folder kandungan Denyar mengandungi semua fail SWF anda yang lalai dan yang dimuat turun.


Melihat fail SWF/SVG

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Kandungan denyar**.
- 3 Pilih fail yang anda hendak lihat.

Dokumen

Daripada Dokumen dalam Bahan saya, anda boleh melihat semua fail dokumen anda. Daripada sini anda boleh melihat fail Excel, PowerPoint, Word, Text dan pdf anda.

Melihat fail

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Bahan saya** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Dokumen**.
- 3 Pilih dokumen dan sentuh **Lihat**.

Lain-lain

Folder **Lain-lain** digunakan untuk menyimpan fail yang bukan gambar, fail audio, video, permainan atau aplikasi. Ia digunakan dengan cara yang sama sebagai folder **Dokumen**. Anda mungkin mendapati bahawa apabila anda memindahkan fail daripada komputer anda ke telefon anda bahawa ia muncul dalam folder **Lain-lain** dan bukan folder **Dokumen**.


Jika ini berlaku anda boleh memindahkannya.

Membuat filem

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Pembuat filem** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Masukkan** untuk menambah imej.
- 3 Sentuh tab **Gaya** di bahagian atas untuk memilih gaya filem.
- 4 Sentuh tab **Bunyi** pada skrin untuk menukar bunyi, cth. untuk rakaman suara.
- 5 Sentuh butang **Pratonton** untuk melihat hasilnya.
- 6 Sentuh tab **Turutan Dimainkan** pada skrin untuk menukar turutan.
- 7 Sentuh tab **Simpan dalam** pada skrin untuk memilih tempat untuk menyimpan filem dan sentuh tab **Penggunaan** untuk memilih antara menyimpannya dan MMS.

- 8 Untuk menyimpan filem anda, tekan main dan kemudian sentuh **Simpan filem**.

Muzik

LG KM900 anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua trek kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, sentuh  kemudian pilih **Muzik** daripada Tab Multimedia. Dari sini anda boleh mengakses sebilangan folder:

Semua trek - Mengandungi semua lagu yang ada pada telefon anda.

Kegemaran - Mengandungi lagu yang telah anda simpan sebagai kegemaran.

Artis - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut artis.

Album - Semak imbas koleksi lagu anda mengikut album.

Genre - Semak imbas koleksi muzik anda mengikut genre.

01

02

03

04

05







06


07

08

Multimedia

Memainkan lagu

- 1 Sentuh  kemudian pilih **Muzik** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh **Semua trek**.
- 3 Pilih lagu yang anda hendak mainkan kemudian sentuh .
- 4 Sentuh  untuk menjedakan lagu.
- 5 Sentuh  untuk melangkaui ke lagu seterusnya.
- 6 Sentuh  untuk kembali ke lagu sebelumnya.
- 7 Sentuh  untuk kembali ke menu **Muzik**.

PETUA! Untuk menukar kelantangan semasa mendengar muzik, sentuh .

Menggunakan radio

LG KM900 anda mempunyai ciri radio FM terbina dalam supaya anda boleh menala ke stesen kegemaran anda untuk didengari semasa mengembara.



NOTA: Anda perlu memasang fon kepala anda untuk mendengar radio. Masukkannya ke dalam soket fon kepala.



Mencari stesen

Anda boleh menala telefon anda ke stesen radio dengan mencari secara manual atau automatik. Stesen itu akan disimpan pada nombor saluran tertentu supaya anda tidak perlu menalanya semula. Anda boleh menyimpan sehingga 30 saluran pada telefon anda.

Untuk menala secara automatik

- 1 Sentuh  kemudian pilih **radio FM** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh .
- 3 Sentuh **Imbas auto** kemudian **Ya**. Stesen yang ditemui akan diberi nombor saluran dalam telefon anda dengan memilih **Tetap**, **Langkau** dan **Berhenti**.

NOTA: Anda boleh menala secara manual kepada stesen dengan menggunakan roda yang dipaparkan di sebelah frekuensi radio.

Menetapkan semula saluran

- 1 Sentuh  kemudian pilih **radio FM** daripada tab Multimedia.
- 2 Sentuh .
- 3 Pilih **Tetapkan semula** untuk menetapkan semula saluran semasa atau pilih **Tetapkan semula semua** untuk menetapkan semula semua saluran. Jika anda menetapkan semula semua saluran, setiap saluran akan kembali ke frekuensi permulaan 87.5Mhz.

Menggunakan pemancar FM untuk memainkan muzik

KM900 boleh memancarkan frekuensi FM daripada modul pemain muzik semasa memainkan muzik. Oleh itu, anda boleh mendengar muzik pada frekuensi FM, bukan melalui pemain muzik.

01

02

03

04

05



06


07


08

Pengatur



Menambah peristiwa pada kalendar anda

- 1 Daripada skrin utama pilih  kemudian tatal ke **Pengatur** pada tab Utiliti. Pilih **Kalendar**.
- 2 Pilih tarikh anda hendak menambah peristiwa.
- 3 Sentuh  kemudian **Jadual baru**.
- 4 Sentuh **Kategori** kemudian pilih antara **Janji temu**, **Ulang tahun** atau **Hari lahir**. Semak tarikh dan masukkan masa anda hendak memulakan peristiwa.
- 5 Untuk janji temu dan ulang tahun, anda boleh memasukkan masa dan tarikh peristiwa akan tamat dalam kotak masa dan tarikh di sebelah bawah.
- 6 Jika anda hendak menambah subjek atau nota kepada peristiwa anda, sentuh **Subjek** dan taip butiran anda.




- 7 Pilih **Tetapkan penggera** untuk menetapkan penggera bagi peristiwa. Jika anda hendak mengulangi penggera, pilih **Tetapkan ulangan**.
- 8 Sentuh  untuk menyimpan peristiwa dalam kalendar. Segi empat sama yang berwarna akan menandakan semua hari yang mempunyai peristiwa yang disimpan, dan penggera akan berbunyi pada waktu permulaan peristiwa tersebut untuk membantu anda supaya tetap teratur.

PETUA! Anda boleh menetapkan tarikh percutian dalam kalendar anda. Sentuh setiap hari daripada percutian secara individu, kemudian sentuh  dan pilih **Tetapkan cuti**. Setiap hari akan ditanda dengan warna merah.

Menukar paparan kalendar lalai anda

- 1 Daripada skrin utama pilih  kemudian tatal ke **Pengatur** pada tab Utiliti. Pilih **Tetapan** dalam .
- 2 Sentuh **Paparan lalai** dan pilih Kalendar, Minggu, Jadual waktu, Senarai atau Semua tugas.

Menambah item pada senarai Tugas anda


- 1 Daripada skrin utama pilih  kemudian tatal ke **Pengatur** pada tab Utiliti.
- 2 Pilih **Tugas baru** pilih  dan sentuh **Nota**.
- 3 Pilih tarikh untuk tugas, tambah nota dan pilih tahap keutamaan: **Tinggi**, **Sederhana** atau **Rendah**.
- 4 Simpan tugas dengan memilih .

PETUA! Anda boleh membuat sandaran dan menyejajarkan kalendar anda dengan komputer anda.

Menggunakan pencari tarikh

Pencari tarikh adalah alat berguna untuk membantu anda mengira tarikh selepas jumlah bilangan hari yang tertentu, berlalu. Sebagai contoh, 60 hari daripada 10.10.09 adalah 09.12.2009.

Ini membantu anda mengesan tarikh akhir.

- 1 Daripada skrin utama pilih  kemudian tatal ke **Pengatur** pada tab Utiliti.
- 2 Pilih **Pencari tarikh** dalam menu Pilihan.
- 3 Tetapkan tarikh yang diperlukan dalam menu **Daripada**.
